



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2012/2013

NAMA KURSUS	:	HUBUNGAN ETNIK
KOD KURSUS	:	UWS10202/UMS1122
PROGRAM	:	1BBB/BDC/BDD/BDM/BEB/BEC/ BED/BEF/BEH/BEU/BFF/BIM/ BND/ BNH/BNK/BNL/BNN/BPB/ BPD/ BWA/BWC/BWD/BWQ 2BBV/BDD/BEF/BEH/BFF/BIM/BIP/ BIS/BIT/BIW/BPA/BPB/BPC/BPD 3BBV/BDD/BEF/BFF/BIT/BPA/ BPB/ BPC/BPD 4BDC/BEE/BFF/BPD
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB <b>SEMUA</b> SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN  B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LAPAN BELAS (18)** MUKA SURAT

**S1** Perbezaan warna kulit, rambut, bentuk hidung dan mata merujuk kepada?

- A ras
- B etnik
- C kaum
- D bangsa

**S2** Mendiang Micheal Jackson mewakili ras

- A negroid
- B caucasoid
- C austroloid
- D mongoloid

Soalan 3 berdasarkan Pernyataan 1

Ahmad dan Bala tinggal berjiran. Setiap hari mereka akan menjalankan aktiviti harian yang sama seperti menyiram pokok, membasuh kereta dan membuang sampah. Walaubagaimanapun Ahmad dan Bala tidak pernah bertegur sapa kerana Ahmad menganggap budaya dan cara hidupnya lebih baik daripada Bala.

Pernyataan 1

**S3** Nyatakan cabaran dalam kehidupan masyarakat majmuk

- A Prejudis
- B Rasisme
- C Stereotaip
- D Etnosentrisme

**S4** American Indian dan Austroloid merujuk kepada ras

- A Orang Asli
- B Orang Barat
- C Orang Negro
- D Orang Afrika

Soalan 5 berdasarkan Pernyataan 2

<p>Suhaimi merupakan seorang CEO sebuah syarikat perkapalan. Beliau menetap di banglo miliknya yang berharga RM 2.5 juta selain turut memiliki dua buah kereta BMW dan CLK 200. Suhaimi turut mempunyai pemandu yang bernama Kamil.</p>	<p>Kamil merupakan pemandu kepada Suhaimi. Beliau menetap di kawasan setinggan secara menyewa. Kamil terpaksa melakukan dua kerja dalam satu hari untuk menampung keperluan hidup dia keluarganya. Dengan hanya memiliki sebuah motor buruk, beliau terpaksa berhujan untuk menuju ke tempat kerja.</p>
---	---

Pernyataan 2

S5 Senario di atas merujuk kepada

- A prejudis
- B prasangka
- C etnosentrik
- D jarak sosial

S6 Pemahaman yang jelas terhadap konsep masyarakat perlu atas sebab-sebab berikut iaitu untuk

- I memupuk semangat chauvanisme dalam kalangan masyarakat
- II memahami budaya masyarakat sendiri dan juga masyarakat lain
- III memupuk kerjasama dalam masyarakat sendiri dan masyarakat lain
- IV memahami hakikat manusia hidup perlu berhubungan dan berkomunikasi

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S7 Ciri-ciri kebudayaan adalah seperti berikut **kecuali**

- A dikongsi, diwarisi dan dipelajari
- B simbolik, universal dan memberi kesan
- C lambang dan slogan, dinamik dan diperbaiki
- D bersifat statik, ada nilai komersil dan tidak perlu pelihara

- S8** Apakah kepentingan pembinaan bangsa dalam konteks masyarakat majmuk?
- A Mengikat ahli masyarakat melalui ciri-ciri kebudayaan dan aspirasi yang sama
  - B Memberi garis panduan bertingkah laku melalui nilai dan norma kepada ahli masyarakat
  - C Menyediakan sistem set interaksi yang baik kepada ahli masyarakat melalui cara berfikir dan bertindak
  - D Menyediakan set penilaian untuk menjadi titik rujukan melalui pegangan dan ideologi kepada masyarakat

Soalan 9 berdasarkan Pernyataan 3

Peminjaman dan penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan kelompok lain. Biasanya, kelompok minoriti mempelajari dari kelompok dominan.

Pernyataan 3

- S9** Tentukan konsep di atas
- A  $A + B + C = A$
  - B  $A + B + C = D$
  - C  $A + B + C = A + B + C$
  - D  $A_j + B + C = A_j + B_i + C_i$
- S10** Masyarakat Arab yang berhijrah ke Melaka pada peringkat awal terdiri daripada masyarakat pedagang yang dikenali sebagai
- A Wan
  - B Chek
  - C Syed
  - D Ungku

S11 Apakah konsep yang diguna untuk menjelaskan ciri-ciri di Asia Tenggara?

- I Pluraliti
  - II Pluralistik
  - III Kebudayaan
  - IV Masyarakat Majmuk
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

Soalan 12 berdasarkan Pernyataan 4

Tan Soon Lee yang berbangsa Cina telah berkahwin dengan Aminah yang berbangsa Melayu. Perkahwinan campur ini menyebabkan mereka telah mengamalkan cara hidup dan budaya baru. Dari segi kepercayaan agama, mereka mengamalkan kepercayaan Buddha manakala dari segi amalan gaya hidup dan percakapan mereka lebih mirip mengamalkan budaya Melayu.

Pernyataan 4

S12 Amalan budaya ini merujuk kepada integrasi

- A Segregasi
- B Asimilasi
- C Akulturasi
- D Amalgamasi

S13 Bagi tujuan mengelakkan kejadian seperti ketidakstabilan politik dan sosial kesan dari konflik etnik seperti Peristiwa 13 Mei 1969 berulang, setiap individu mestilah menghayati amalan berikut **kecuali**

- A mengamalkan sikap tolak ansur
- B menerima perbezaan antara etnik
- C menghormati antara satu sama lain
- D meniru adat kepercayaan etnik lain

- S14** Dalam konteks Malaysia, pendekatan antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timur dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia merujuk kepada
- A integrasi sosial
  - B integrasi wilayah
  - C integrasi ekonomi
  - D integrasi kebudayaan

Soalan 15 berdasarkan Jadual 1

Jadual 1

Amalgamasi		Masyarakat Baru	
P	Cina + Melayu	X	Serani
Q	India + Melayu	Y	Baba Nyonya
R	Portugis + Melayu	Z	Mamak

- S15** Berdasarkan Jadual 1, padankan kategori masyarakat baru yang wujud kesan daripada proses amalgamasi masyarakat tempatan dengan pedagang
- A P:Z, Q:X dan R:Y
  - B P:X, Q:Z dan R:Y
  - C P:Y, Q:X dan R:Z
  - D P:Y, Q:Z dan R:X
- S16** Manakah antara berikut merupakan faktor tepat mengenai pembentukan masyarakat pluralistik di Tanah Melayu?
- A Perkembangan perusahaan teh dan kopi
  - B Perkembangan perusahaan getah dan bijih timah
  - C Perkembangan perusahaan lada hitam dan gambir
  - D Perkembangan perusahaan lada hitam dan cengkih
- S17** Pergerakan masyarakat plural sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka telah mewujudkan hubungan etnik yang erat menerusi aktiviti
- A penaklukan
  - B perkahwinan
  - C penghijrahan
  - D perdagangan

**S18** Agama Islam disebarkan di rantau Alam Melayu melalui

- I penaklukan
- II perkahwinan
- III perdagangan
- IV kegiatan intelektual

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S19** Dari segi budaya, komuniti Baba dan Nyonya telah mengalami proses \_\_\_\_\_ dengan budaya tempatan iaitu budaya Melayu

- A integrasi
- B asimilasi
- C akulturasi
- D amalgamasi

Soalan 20 berdasarkan Pernyataan 5

Seorang raja yang menerajui sebuah kerajaan dilihat sangat berkuasa dan dikatakan *berkuasa mutlak*.

Pernyataan 5

**S20** Frasa *berkuasa mutlak* dalam Pernyataan 5 bermaksud \_\_\_\_\_

- A raja mempunyai kuasa membunuh
- B raja mempunyai kuasa mengampun
- C kuasa raja mengatasi undang-undang
- D raja mempunyai kuasa yang sangat besar

**S21** Bilakah berlaku pemisahan antara pluraliti dan masyarakat plural di Tanah Melayu?

- A Pemerintahan Parti Komunis Malaya
- B Penjajahan Barat ke atas Tanah Melayu
- C Pemerintahan Sultan Mansur Shah di Melaka
- D Era Hinduisme dan Buddhisme di Alam Melayu

**S22** Apakah masalah yang sering dikaitkan dengan pembentukan perpaduan etnik selepas merdeka?

- I      Persamaan budaya
- II     Ketidakseimbangan ekonomi
- III    Penempatan yang tidak setara
- IV    Pengasingan sistem pendidikan

- A      I, II dan III
- B      I, II dan IV
- C      II, III dan IV
- D      Semua di atas

**S23** Masyarakat plural Malaysia berwajah baru selepas tertubuhnya Malaysia pada tahun \_\_\_\_\_ dengan kemasukan Sabah dan Sarawak

- A      1953
- B      1957
- C      1963
- D      1967

Soalan 24 berdasarkan Pernyataan 6

Di Jawa, seorang raja Hindu telah menggunakan nama Arab ketika melayani pedagang Eropah.

Pernyataan 6

**S24** Situasi dalam Pernyataan 2 menunjukkan berlakunya \_\_\_\_\_

- A      pluraliti
- B      pluralistik
- C      pluraliti baru
- D      pluraliti moden

**S25** Keselamatan laut dari ancaman perompak dan lanun dapat dikawal dengan baik hasil sokongan kuat oleh

- A      Datuk Syahbandar
- B      Bendahara yang bijaksana
- C      Hang Tuah lima bersaudara
- D      Undang-undang Laut Melaka



Soalan 26 rujuk Pernyataan 7

Bismillah .....  
"Hai pana rojana  
Gunung sah sidia,  
Dari bukit pulang ke bukit  
Dari hutan pulang ke hutan  
Dari laut pulang ke laut  
Ku seru namamu .....  
Jangan durhaka kepada aku  
Dengan berkat doa ....."

Pernyataan 7

S26 Himpunan kalimat di atas menjelaskan mengenai ilmu

- A sihir
- B metafizik
- C perubatan
- D perbomohan

S27 Pemahaman terhadap latar belakang Alam Melayu perlu meliputi perkara berikut

- I geografi
  - II bahasa melayu
  - III rumpun bangsa
  - IV Kerajaan Tradisi Melayu
- 
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

- S28** Apakah ciri penting dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu hasil dari pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948
- A sembilan buah negeri Melayu terlibat dalam Persekutuan beserta Pulau Pinang, Singapura dan Melaka
  - B sultan diberi semula hak dan kuasa memerintah tetapi dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri sahaja
  - C Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British dan dibantu oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan
  - D Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada Pesuruhjaya Tinggi, tiga orang anggota ex-officio, sembilan orang Yang Dipertua Majlis-majlis Mesyuarat Negeri serta dua orang wakil Majlis Tempatan Melaka

Soalan 29 berdasarkan Pernyataan 8

“Perkara-perkara berkaitan isu bahasa, agama, kedudukan istimewa Bumiputera dan kewarganegaraan dalam Perlembagaan Malaysia menjadi faktor penting untuk mewujudkan hubungan etnik yang erat dan utuh dalam kalangan rakyat Malaysia”

Pernyataan 8

- S29** Pilih pernyataan yang tepat berhubung dengan petikan di atas
- A Perkara yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diimbangi peruntukan bahawa etnik lain adalah tidak dilarang untuk menggunakan bahasa lain bagi maksud rasmi
  - B Perkara yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menghalang kerajaan untuk memelihara dan meneruskan penggunaan serta pengajian bahasa sesuatu kaum di Persekutuan
  - C Perkara yang menetapkan Islam sebagai agama rasmi diimbangi dengan peruntukan kebebasan bagi rakyat bukan Islam untuk menganut dan mengamalkan agama lain dalam suasana aman dan harmoni
  - D Perkara yang menetapkan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak diimbangi dengan peruntukan bahawa kerajaan tidak boleh melucut, menarik balik atau menyebabkan hak orang Melayu terhakis

Soalan 30 dan 31 berdasarkan Jadual 2

Jadual 2

Perlembagaan X	1 Mac 1946
Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu	Y

- S30** Perlembagaan X adalah merujuk kepada
- A Perlembagaan Malayan Union
  - B Perlembagaan Suruhanjaya Reid
  - C Perlembagaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
  - D Perlembagaan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
- S31** Y adalah merujuk kepada
- A 1 Februari 1948
  - B 1 Februari 1950
  - C 16 Disember 1963
  - D 16 September 1963
- S32** Apakah punca utama terjadinya rusuhan kaum di antara Melayu dan Cina pada 13 Mei 1969?
- A Kegagalan sosio-politik
  - B Ketidakseimbangan ekonomi
  - C Politik perkauman yang melampau
  - D Implikasi Dasar Pecah dan Perintah
- S33** Berikut merupakan pengajaran penting yang boleh diambil daripada Peristiwa 13 Mei 1969 dalam menjamin hubungan yang baik antara kaum di Malaysia **kecuali**
- A menghapuskan parti politik berasaskan perkauman
  - B mewujudkan sistem pendidikan kebangsaan yang dinamik
  - C menekankan hidup bersama dalam pelbagai lapangan kehidupan
  - D mematuhi perlembagaan dan undang-undang negara bagi menjamin keamanan

- S34** Kesan utama teretusnya peristiwa 13 Mei 1969 dalam konteks ekonomi ialah
- A pengenalan Rancangan Malaysia
  - B pembentukan Majlis Amanah Rakyat
  - C penubuhan *Federal Land Development Authority*
  - D pengisytiharan Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama
- S35** Berikut merupakan unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan **kecuali**
- A hak istimewa orang melayu diikitraf
  - B agama Islam sebagai agama rasmi negara
  - C mengamalkan sistem pemerintahan beraja
  - D bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- S36** Siapakah pakar rujuk agama Islam dalam kalangan rakyat tempatan?
- I kadi
  - II imam
  - III lebai
  - IV tok guru
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S37** Berikut ialah kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat Alam Melayu sebelum kedatangan Islam **kecuali**
- A taoisme
  - B animisme
  - C hinduisme
  - D buddhisme
- S38** Kedatangan Islam ke Alam Melayu dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu
- A pertapakan → penaklukan → penyebaran pengaruh
  - B persinggahan → penaklukan → penyebaran pengaruh
  - C persinggahan → pertapakan → penyebaran pengaruh
  - D pertapakan → persinggahan → penyebaran pengaruh

- S39** Tujuan utama penggubalan Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah untuk
- A perpaduan etnik
  - B keamanan negara
  - C kemajuan sistem pendidikan
  - D memartabatkan Bahasa Kebangsaan
- S40** Wawasan 2020 bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berteraskan keharmonian hubungan pelbagai etnik **kecuali**
- A mewujudkan kekuatan ketenteraan
  - B mewujudkan masyarakat penyayang
  - C mewujudkan masyarakat merdeka, maju dan berketerampilan
  - D mewujudkan masyarakat unggul yang berdaya saing dan dinamik
- S41** Berikut adalah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi mencapai konsep pembinaan negara bangsa **kecuali**
- A Dasar Bahasa Nasional
  - B Dasar Pandang ke Timur
  - C Dasar Pendidikan Nasional
  - D Dasar Kebudayaan Nasional
- S42** Jabatan yang ditubuhkan bagi mencipta satu ideologi kebangsaan di samping menyusun program sosial dan ekonomi ialah
- A Jabatan Pembangunan
  - B Jabatan Gerakan Negara
  - C Jabatan Perpaduan Negara
  - D Jabatan Perundingan Negara
- S43** Sistem pendidikan masyarakat India di Tanah Melayu ketika berada di bawah cengkaman penjajah adalah seperti berikut **kecuali**
- A guru-guru dibawa dari India
  - B sekolah Tamil di buka di estet-estet
  - C wujud sekolah menengah jenis Tamil
  - D buku-buku rujukan berkisar mengenai India

**S44** Dasar Wawasan Negara diperkenalkan oleh kerajaan merupakan gabungan daripada

- I Wawasan 2020
- II Dasar Ekonomi Baru
- III Dasar Pertanian Negara
- IV Dasar Pembangunan Negara

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

**S45** Pemahaman tentang \_\_\_\_\_ sesuatu bangsa amat perlu dalam usaha mengukuhkan hubungan etnik dan mengeratkan jambatan integrasi dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia

- A agama
- B bahasa
- C aktiviti
- D identiti

**S46** Apakah objektif utama ideologi negara?

- A Membina sebuah masyarakat progresif dengan kemajuan sains
- B Memelihara cara hidup demokratik dalam masyarakat berbilang etnik
- C Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat
- D Membentuk sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang berbagai corak

**S47** Mengurang dan membasmi kemiskinan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 dapat dicapai melalui

- I menambahkan daya pengeluaran menggunakan teknik moden
- II menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma dengan lebih meluas
- III menukar kegiatan yang mempunyai daya pengeluaran rendah kepada tinggi
- IV membasmi kemiskinan mutlak di samping mengurangkan kemiskinan relatif

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

- S48** Prinsip ketiga Rukun Negara iaitu Keluhuran Perlembagaan membawa maksud
- A perlembagaan sangat lengkap
  - B perlembagaan sangat perlu dihormati
  - C perlembagaan berada pada kedudukan tertinggi
  - D perlembagaan jangan dipermainkan oleh mana-mana pihak
- S49** Berikut merupakan strategi Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dapat dihapuskan **kecuali**
- A menyusun semula corak guna tenaga
  - B membuka dan memajukan tanah baru bagi pertanian
  - C membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
  - D mempertingkatkan daya pengeluaran dan taraf kehidupan masyarakat luar bandar
- S50** Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) dan Bank Bumiputera adalah institut yang ditubuhkan di bawah
- A Rancangan Malaya 1
  - B Rancangan Malaya 2
  - C Rancangan Malaysia 1
  - D Rancangan Malaysia 2
- S51** Pilih pernyataan yang benar tentang matlamat Rukun Negara
- I memperbaiki taraf hidup kaum Bumiputera
  - II memajukan sektor ekonomi penduduk, terutamanya perindustrian dan perniagaan
  - III melahirkan rakyat yang bersatu, masyarakat yang demokratik, adil, liberal dan progresif
  - IV mewujudkan negara yang membangun dari segi penggunaan sumber manusia dan sumber alam semulajadi
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

Soalan 52 berdasarkan Pernyataan 9

Bagi memupuk semangat perpaduan dan keyakinan terhadap sistem sekolah satu aliran, sekolah kebangsaan perlu dijadikan lebih menarik untuk menarik minat orang bukan Melayu. Semangat perpaduan dalam kalangan pelajar bukan sahaja perlu dipupuk oleh pihak sekolah tetapi juga institusi pendidikan tinggi.

Pernyataan 9

- S52 Berikut merupakan antara langkah yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat perpaduan melalui institusi pendidikan **kecuali**
- A mengadakan lebih banyak aktiviti antara golongan etnik
  - B mengeneipkan proses penguasaan bahasa ibunda masing-masing
  - C memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan interaksi antara etnik
  - D memasukkan unsur-unsur interaksi antara etnik dalam kurikulum serta meningkatkan kemahiran interaksi antara etnik
- S53 Usaha kerajaan Malaysia dalam memupuk perpaduan telah disokong oleh pihak swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat sendiri menunjukkan bahawa Malaysia telah menggunakan pendekatan
- I *going up*
  - II *top-down*
  - III *bottom-up*
  - IV *going down*
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D Semua di atas
- S54 Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bertujuan untuk
- A membentuk perwatakan pasif
  - B menyemarakkan semangat kesukanan
  - C melahirkan semangat sanggup berkorban
  - D memupuk semangat patriotisme generasi muda



- S55** Konflik etnik dapat diselesaikan melalui kaedah-kaedah berikut **kecuali**
- A pembangunan sosial
  - B pembangunan politik
  - C pembangunan ekonomi
  - D pembangunan pertahanan
- S56** Perlunya keharmonian hubungan etnik dalam sesebuah negara ialah untuk
- I mencerminkan struktur sosial sesebuah negara
  - II menggambarkan perkembangan sejarah sosio-ekonomi
  - III mengelakkan ketegangan sosial dalam sesebuah masyarakat
  - IV memastikan dasar dan perancangan pembangunan negara berjalan lancar
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S57** Prinsip yang menekankan pembelaan hak dan kumpulan minoriti serta wanita terkandung dalam satu konsep yang telah diperkenalkan oleh
- A Dato Seri Najib bin Tun Razak
  - B Tun Dr Mahathir bin Mohamad
  - C Tun Abdullah bin Ahmad Badawi
  - D Tan Sri Muhyiddin bin Mohamad Yassin
- S58** Manakah antara berikut merujuk kepada sifat masyarakat berdaya tahan seperti yang terkandung dalam cabaran Wawasan 2020?
- A Berkeyakinan terhadap diri sendiri
  - B Sentiasa bersaing dan bersifat dinamik
  - C Mempunyai nilai kewibawaan yang utuh
  - D Berdedikasi dan cintakan keamanan negara
- S59** Apakah maksud seseorang yang dianggap sudah tidak mempunyai jati diri?
- A Seseorang yang bertindak mengikut arus perdana
  - B Seseorang yang tidak mahu dan tidak suka kepada perubahan
  - C Seseorang yang berfikir dan bertindak mengikut peredaran zaman
  - D Seseorang yang tidak mempamerkan watak dan cara hidup bangsanya

**S60** Sebagai seorang pelajar yang bertanggungjawab dalam sebuah masyarakat berbilang etnik, beliau hendaklah mengambil pendirian berikut **kecuali**

- A bertoleransi dalam kehidupan seharian
- B sering mengkritik pandangan etnik lain
- C saling memahami cara hidup etnik yang lain
- D memahami adat resam sesuatu etnik yang lain

- SOALAN TAMAT -